



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

SIARAN MEDIA

**SESI JELAJAH LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI
DIMULAKAN BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA
KEDUA BELAS**

AYER KEROH, 5 Julai 2019 - Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah memulakan proses penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12). Sesi libat urus ke semua kerajaan negeri dimulakan hari ini hingga Ogos 2019 untuk membentangkan hala tuju pembangunan negara, di samping mendapatkan pandangan dan cadangan mengenai hala tuju pembangunan di peringkat negeri yang akan diambil kira dan diperincikan dalam penyediaan RMKe-12. Sesi libat urus dengan kerajaan negeri akan dipengerusikan secara bersama oleh YAB Menteri Besar/Ketua Menteri dan YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi/Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Negeri Melaka merupakan negeri pertama sesi jelajah libat urus antara MEA dengan kerajaan negeri. YAB Tuan Haji Adly Zahari, Ketua Menteri Melaka telah mempengerusikan sesi ini bersama YB Senator Dr. Radzi Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, YB Dato' Hasim Hasan, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan YBhg. Dato' Saiful Anuar Lebai Hussen, Ketua Setiausaha MEA serta ketua agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di Melaka.

Dasar dan strategi RMKe-12 yang sedang disediakan akan dijajarkan dengan Inisiatif Kemakmuran Bersama yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 Mei 2019. Konsep RMKe-12 dirangka berdasarkan tiga dimensi, iaitu pemerkasaan ekonomi, kemampunan alam sekitar dan perekayasaan sosial. Sehubungan dengan itu, bagi menjayakan rancangan pembangunan di peringkat negeri, perspektif nasional dan kemampuan atau kekuatan yang dimiliki oleh setiap negeri akan turut diberi perhatian.

Bagi memastikan maklum balas dari semua pihak yang berkepentingan diambil kira dalam penyediaan RMKe-12, Kerajaan mengambil pendekatan perancangan *top-down* dan *bottom-up* melalui penglibatan semua pihak berkepentingan termasuk sektor awam dan swasta, akademia, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan, organisasi

antarabangsa dan juga orang awam di samping libat urus bersama kerajaan negeri melalui sesi jelajah negeri seperti ini.

Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara serta memastikan kesejahteraan dan kekayaan negara dapat dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu, pelan pembangunan negeri perlu dijajarkan dengan pelan pembangunan nasional ke arah mencapai matlamat yang sama.

###